

18 MAR 2003

Sukan-Renang

ABDUL MALIK TERUSKAN LATIHAN SEBELUM RENTASI SELAT INGGERIS

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Abdul Malik Mydin, yang mahu mencipta nama sebagai rakyat Malaysia pertama berenang menyeberangi Selat Inggeris, akan meneruskan sesi latihannya di dalam dan luar negara sebelum merentasi Selat Inggeris pada akhir Julai ini.

Abdul Malik, 28, yang baru pulang dari latihan selama sebulan di perairan Melbourne, Australia, berkata beliau akan ke Kunming, China pada minggu depan untuk latihan penyesuaian "altitude" untuk menguji ketahanan pernafasannya.

"Selepas itu, saya akan kembali semula ke Melbourne pada pertengahan April untuk latihan survival di laut di bawah pengawasan jurulatih John Van Wisse," katanya pada sidang berita selepas perasmian program Pra-Pelancaran Cabaran Selat Inggeris 2003 oleh Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak di sini, hari ini.

Abdul Malik akan merentasi Selat Inggeris melalui Shakespeare Beach di Dover, London menuju ke Cap Gris Nez, Calais, Perancis yang melibatkan jarak sejauh 32.8km.

Beliau akan kembali ke tanah air pada pertengahan Mei bagi membuat persiapan untuk renangan merentasi perairan dari Kuala Perlis ke Pulau Langkawi sejauh 48km.

"Acara renangan dari Kuala Perlis ke Langkawi akan diadakan pada 24 dan 25 Mei depan. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku penaung projek Cabaran Selat Inggeris telah bersetuju merasmikannya," katanya.

Bagi merealisasikan acara itu, Abdul Malik berkata pihaknya telah mendapat kerjasama Kementerian Pertahanan khususnya Jabatan Hidrografi, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Jabatan itu akan membantu dari segi keselamatan, carta laluan dan jadual pasang surut perairan dari Kuala Perlis ke Langkawi.

Abdul Malik berkata laluan itu juga adalah yang terpanjang akan direntasinya berbanding Selat Inggeris.

"Bagaimanapun setiap laluan mempunyai cabarannya tersendiri. Bagi renangan Kuala Perlis ke Langkawi, suhu air dijangka panas sementara suhu air di Selat Inggeris adalah sejuk antara 14 dan 17 darjah celcius," katanya.

-- BERNAMA

ZAS MFJ NAK